

PERTANDINGAN REKABENTUK SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN 2017

PENGENALAN

Jawatankuasa Senibina Identiti Kebangsaan (JK-SIK) di bawah Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) telah menganjurkan **PERTANDINGAN REKABENTUK SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN 2017** yang diadakan untuk kali kedua di peringkat pusat pengajian tinggi bagi tujuan untuk mengenalpasti kefahaman para mahasiswa serta penyelia mereka mengenai reka bentuk senibina yang beridentiti kebangsaan.

MATLAMAT

Matlamat utama penganjuran pertandingan ini adalah untuk mengenal pasti tahap pemikiran mahasiswa serta penyelia mereka dalam pentafsiran hasrat senibina yang beridentitikan kebangsaan sebagaimana yang digariskan dalam deraf Dasar Senibina Identiti Kebangsaan. Penganjuran pertandingan ini juga bermatlamat untuk mengenalpasti kesungguhan pihak pengurusan pusat pengajian tinggi berkenaan dalam menyokong usaha dan hasrat penzahiran senibina yang beridentitikan kebangsaan Malaysia.

TEMA

Senibina Identiti Kebangsaan Malaysia

PENYERTAAN

Penyertaan adalah dibuka kepada mahasiswa pengajian senibina dari pusat pengajian tinggi awam dan swasta di mana programnya telah mendapat pengiktirafan daripada Lembaga Arkitek Malaysia. Setiap pusat pengajian tinggi dibenarkan untuk menghantar seberapa banyak penyertaan dari hasil kerja studio mahasiswa. Penyertaan dari hasil kerja studio mahasiswa terdahulu yang dikemaskinikan boleh diterima tetapi tidak melebihi tiga tahun penghasilannya dari tarikh akhir penghantaran. Tiada batasan ukuran projek dan jenis kepenggunaan bangunan yang telah dihasilkan asalkan ia menepati tema pertandingan yang telah ditetapkan.

Setiap penyertaan dikehendaki mendapatkan pengesahan daripada pusat pengajian tinggi masing-masing.

KEPUTUSAN PERTANDINGAN REKABENTUK SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN 2017

PENDAFTARAN

Tarikh buka : 22 Ogos 2017
Tarikh tutup : 15 Januari 2018

YURAN

Tiada yuran penyertaan dikenakan.

UKURAN PENILAIAN

Penilaian dilakukan berdasarkan pematuhan kepada Prinsip Asas Senibina Identiti Kebangsaan sebagaimana yang digariskan dalam Deraf Dasar Senibina Identiti Kebangsaan. Antara kecerian senibina yang perlu diterapkan dalam reka bentuk yang dimajukan adalah seperti berikut :

- a. Kesesuaian pengguna dan latar belakang budaya masyarakat Malaysia.
- b. Persekitaran dan keadaan tempatan.
- c. Rekabentuk mesra alam.
- d. Penggunaan unsur kearifan watan.

SESI PENILAIAN

Sesi Penilaian telah diadakan pada hari Jumaat, 9 Mac 2018 di Pejabat LAM dan Panel Juri terdiri daripada :

1. **Ar. Zairul Azidin Badri**
(Presiden Lembaga Arkitek Malaysia)
2. **Ar. Ezumi Harzani Ismail**
(Presiden Pertubuhan Arkitek Malaysia)
3. **Ar. Yap Seng Chye, Chris**
(Presiden Pertubuhan Perekabentuk Dalaman Malaysia)
4. **Ar. Dr. Mastor Surat**
(Ahli Jawatankuasa Senibina IDentiti Kebangsaan, LAM)
5. **Ar. Hijjas Kasturi**
(Hijjas Kasturi Associates Sdn.)

KEPUTUSAN PERTANDINGAN REKABENTUK SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN 2017

PANEL JURI DAN AHLI JAWATANKUASA



KEPUTUSAN

Berikut adalah senarai pemenang bagi PERTANDINGAN REKABENTUK SENIBINA IDENTITI KEBANGSAAN 2017 :

Tempat Pertama :
Hadiah tunai RM5,000
QAMARUL SYAFIQ BIN MAZLAN
(Universiti Teknologi Malaysia - UTM)

Tempat Kedua :
Hadiah tunai RM3,000
NUR AZDLI BIN MOHAMED NOOR
(Universiti Teknologi Malaysia - UTM)

Tempat Ketiga :
Hadiah tunai RM1,000
NORUL FAZLINA BINTI KHASHIM
(Universiti Sains Malaysia - USM)

Lembaga Arkitek Malaysia ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada para pemenang. Ucapan terima kasih juga kepada semua pelajar dan institusi yang mengambil bahagian dalam Pertandingan ini.

Jawatankuasa Senibina Identiti Kebangsaan
Lembaga Arkitek Malaysia
12 Mac 2018